



SIARAN MEDIA  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**KEMPEN KIBAR BENDERA WILAYAH PERSEKUTUAN 2026 SEMARAKKAN  
PATRIOTISME DAN PERPADUAN MASYARAKAT**

Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan merupakan program *signature* yang dianjurkan setiap tahun dan menjadi acara pembuka tirai (*kick-off*) kepada keseluruhan pengisian sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada setiap tahun. Program ini berlangsung secara serentak di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Kita semua disatukan oleh satu identiti dan semangat kebersamaan sebagai warga Wilayah Persekutuan.

Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan ini bukan sekadar simbolik tetapi adalah satu usaha berterusan untuk menyemai rasa bangga, rasa sayang dan tanggungjawab terhadap Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan ini bukan hanya tempat untuk kita tinggal, tetapi juga tempat kita membesar, bekerja, membina keluarga dan mencorakkan masa depan. Kempen kibar bendera ini membuktikan bahawa setiap warga Wilayah Persekutuan mempunyai peranan penting dalam menyokong pembangunan, kemajuan dan kesejahteraan wilayah yang mereka diami.

Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan yang bermula pada 17 Januari hingga 28 Februari 2026 adalah untuk menyemarakkan semangat patriotisme serta memupuk rasa cinta terhadap Wilayah Persekutuan. Kempen ini turut berperanan meningkatkan semangat muhibbah dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat di Wilayah Persekutuan.

Sebanyak **73,500 unit Bendera** Wilayah Persekutuan dikibarkan di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. **41,000** Bendera Wilayah Persekutuan diedarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kepada semua komuniti di PPR dan Perumahan Awam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, melalui Majlis Perwakilan Penduduk serta di pasang di jalan-jalan protokol, kawasan rekreasi, taman-taman awam dan bangunan di bawah kelolaan DBKL.

Manakala **20,000** Bendera Wilayah Persekutuan diagihkan dan dipasang oleh Perbadanan Putrajaya di sepanjang jalan protokol, taman-taman awam, kuarters kerajaan, kompleks kejurangan, sekolah-sekolah dan kawasan awam lain. Kita dapat menyaksikan bendera Wilayah Persekutuan berkibar megah di Pusat Pentadbiran Kerajaan Malaysia sama ada di bangunan komersial dan bangunan-bangunan kerajaan dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Manakala di Wilayah Persekutuan Labuan, **12,500** Bendera Wilayah Persekutuan berkibar di seluruh Pulau Labuan yang indah ini. Edaran bendera kepada komuniti di 27 buah kampung dalam menyemarakkan sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun ini mendapat kerjasama yang sangat baik. Ini menggambarkan rasa kebersamaan dan komitmen semua pihak dalam menyokong sambutan Hari Wilayah Persekutuan.

Warna bendera yang *vibrant* dan menyerlah ini bukan sahaja memperindah landskap bandar, tetapi juga membangkitkan emosi positif dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan. Pengibaran bendera secara serentak di seluruh Wilayah Persekutuan meningkatkan rasa kepunyaan terhadap wilayah masing-masing.

Seiring dengan inisiatif **Tahun Melawat Malaysia 2026**, kempen ini menonjolkan Wilayah Persekutuan sebagai destinasi yang *vibrant*, meriah dan mesra pelancong. Bandar-bandar dihiasi dengan bendera, diterangi cahaya pencahayaan yang akan berlangsung dari 26 Januari hingga 28 Februari 2026 bukan sahaja memeriahkan suasana, malah menjadikan Wilayah Persekutuan lebih hidup dan beridentiti, seterusnya dapat menarik perhatian pelancong tempatan dan antarabangsa.

Semua pihak digalakkan untuk bersama-sama mengibarkan Bendera Wilayah Persekutuan dan menyokong pelaksanaan Pencahayaan Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan ini adalah milik kita bersama, perlu dijaga bersama dan dibangunkan bersama.

\*\*\*

Disediakan oleh:  
Jabatan Wilayah Persekutuan  
17 Januari 2026

